

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Gambar 1 berkaitan sejenis bentuk pemilikan perniagaan



Gambar 1

- (i) Jelaskan hak anggota pemilikan perniagaan tersebut. [3 markah]
(ii) Apakah kelebihan pemilikan perniagaan tersebut? [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kilat Kilat, yang menyediakan perkhidmatan pembersihan di Petaling Jaya, Selangor.

Jenis Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none">• Pembersihan rumah• Pembersihan selepas baikpulih• Pembersihan pejabat
Bilangan pekerja	28 orang
Jumlah jualan tahunan	RM2.5 juta
Lokasi perkhidmatan	Seluruh Lembah Klang

Terangkan saiz Perniagaan Kilat Kilat.

- 2 (a) Jelaskan peranan kerajaan negeri dalam meningkatkan perniagaan. [6 markah]
(b) Maklumat berikut berkaitan dengan objektif sebuah perniagaan pakaian.

- Menjual 10 000 helai pakaian sebulan
- Memastikan pakaian yang ditawarkan menggunakan kain berkuliti, selesa dan selamat untuk bayi
- Memudahkan pembelian secara bersemuka di cawangan kedai kami atau secara dalam talian.

Terangkan ciri-ciri objektif perniagaan tersebut. [4 markah]

- 3 (a) Jelaskan tujuan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia kepada perniagaan. [4 markah]
(b) Maklumat berikut berkaitan interaksi dengan organisasi luar.

Sofea Florist merupakan kedai menjual bunga segar untuk majlis perkahwinan. Perniagaan ini mendapat bekalan bunga terus daripada Cameron Flower Trading. Sofea Florist sentiasa memastikan mereka mendapat bekalan bunga yang segar supaya dapat memuaskan hati pelanggan setianya.

Terangkan interaksi tersebut. [6 markah]

- 4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran keboleherjaan di sebuah perniagaan.

Hadeef baru sahaja menamatkan diploma dalam bidang perakaunan. Beliau telah menerima tawaran bekerja sebagai kerani di tapak pembinaan di Mantap Kukuh Enterprise. Beliau ditawarkan dengan bayaran berikut:

Butiran	RM
Gaji tetap	1 100
Elaun telefon	50
Elaun tambang	150
Jumlah	1 300

Adakah wajar Hadeef menerima tawaran tersebut? Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan sumber teknologi.

Encik Aidid merupakan pemilik Teras Cetak Enterprise sebuah perniagaan yang menghasilkan buku-buku cerita yang bermutu. Beliau bimbang produknya akan jatuh ke pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru, beliau telah bertindak mendaftarkan semua produknya di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

- (i) Mengapakah Encik Aidid bertindak sedemikian?

[4 markah]

- (ii) Apakah prosedur yang perlu dilakukan oleh Encik Aidid bagi tujuan tersebut?

[2 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Puan Nilawati ingin memulakan perniagaan mengubah suai rumah kediaman di Kajang. Beliau memerlukan modal untuk menampung sebahagian kos operasi. Beliau bercadang mendapatkan pembiayaan dari Bank AAA Berhad.

Cadangkan jenis pembiayaan tersebut. Jelaskan. [5 markah]

- (b) Bagaimanakah analisis penyata pendapatan membantu operasi kewangan sesebuah perniagaan? [5 markah]

- 6 (a) Jelaskan keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan. [3 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Puan Chin dan Puan Daisy menjalankan perniagaan pengeluaran makanan sejak tahun 2010. Mereka bercadang untuk menukar bentuk pemilikan perniagaan daripada perkongsian kepada syarikat sendirian berhad.

Jelaskan prosedur pemerbadanan syarikat tersebut. [4 markah]

- (c) Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan. [3 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Rizal, Lily dan Usu Sakinah telah menubuhkan sebuah pusat peranginan di Hulu Langat, Selangor sejak tahun 2015. Rizal merupakan seorang pengurus merangkap pengurus sumber manusia manakala Lily adalah tukang masak profesional dan Usu Sakinah adalah pakar dalam bidang pengemasan bilik. Mereka menetapkan visi perniagaan ialah untuk menjadi sebuah pusat peranginan yang terkenal di seluruh negeri Selangor. Namun begitu, disebabkan Covid-19, mereka terpaksa mengubah visi perniagaan. Selain itu, beberapa orang pelanggan terpaksa menangguhkan tempahan dan ada juga yang membatalkannya. Situasi ini berlarutan sehinggakan pihak pengurusan terpaksa memberhentikan sebahagian pekerja kerana tidak mampu membayar gaji mereka.

- (a) Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan tersebut. [5 markah]
- (b) Terangkan faktor luaran yang mempengaruhi perubahan visi tersebut. [6 markah]
- (c) Jelaskan tindakan Rizal dalam peranannya memberhentikan pekerja [4 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Encik Hisyam memulakan perniagaan dengan membuka sebuah restoran, Restoren Warisan Mama di bandar Kajang. Beliau telah membuat pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) secara dalam talian. Di samping itu beliau sedang mencari dua orang cef bagi membantu perniagaannya itu. Berikut adalah maklumat jawatan kosong yang diiklankan melalui aplikasi carian pekerjaan.

RESTOREN WARISAN MAMA		
JAWATAN KOSONG		
CEF RESTORAN		
<ul style="list-style-type: none">• DIPLOMA KULINARI• GAJI RM2500 – RM3000		
		

- (a) Jelaskan aplikasi teknologi maklumat yang digunakan oleh Encik Hisyam bagi mendaftarkan perniagaannya. [5 markah]
- (b) Wajarkah Encik Hisyam menetapkan syarat kemahiran kebolehterampilan tersebut? Berikan alasan anda. [5 markah]
- (c) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Encik Hisyam setelah mendaftarkan perniagaannya. [5 markah]

- 9 Perniagaan Aura Cantik Enterprise yang dimiliki oleh Puan Badariah menjual pelbagai jenis produk kecantikan pada harga yang berpatutan. Perniagaan sering memberikan potongan harga pada musim perayaan. Perniagaan juga dijalankan secara dalam talian. Perminataan yang semakin meningkat menyebabkan Puan Badariah memerlukan modal pusingan yang tinggi. Oleh itu, beliau berhasrat untuk mendapatkan pembiayaan dengan memohon mengeluarkan wang melebihi jumlah akaun semasa dari pihak bank. Berikut merupakan maklumat yang dipetik daripada penyata kewangan perniagaan Aura Cantik Enterprise :

Butiran	2019 (RM)	2020 (RM)
Kos jualan	40 000	60 000
Untung bersih	25 000	45 000
Modal awal	100 000	150 000


- (a) (i) Hitungkan peratusan pulangan atas modal bagi tahun 2019 dan 2020. [3 markah]
- (ii) Jelaskan prestasi perniagaan berdasarkan 9 (a) (i). [3 markah]
- (b) Apakah jenis pembiayaan tersebut? Jelaskan. [5 markah]
- (c) Terangkan elemen campuran pemasaran bagi perniagaan Aura Cantik Enterprise. [4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

- 10 Encik Hazli merupakan seorang pemilik kedai dobi layan diri Papa Laundry. Sejak lima tahun lalu beliau telah berjaya membuka dua buah kedai dobi layan diri. Berikut merupakan jualan yang telah dicapai oleh Papa Laundry untuk tiga tahun di kedua-dua cawangannya.



Trend perniagaan yang memberangsangkan di kawasan bandar membuatkan Encik Hazli bercadang untuk membuka sebuah lagi cawangan di Kajang, Selangor. Beliau memerlukan suntikan modal tambahan untuk tujuan tersebut. Encik Hazli mempunyai simpanan perniagaan yang dijadikan sebagai simpanan kecemasan terutamanya untuk menampung kos-kos yang tidak dijangka. Beliau masih memikirkan sama ada menggunakan sumber pembiayaan tersebut atau memohon pinjaman dari bank perdagangan sebagai sumber pembiayaan lain.

Baru-baru ini telah berlaku kejadian samun yang melibatkan pelanggan di cawangan Seri Kembangan. Kejadian tersebut menjadi tular dengan begitu pantas ke seluruh negara. Walaupun kejadian itu berjaya dirakam melalui kamera litar tertutup (CCTV) di premis, tetapi pihak berkuasa gagal mengesan mereka yang bertanggungjawab kerana kualiti

rakaman yang tidak jelas. Encik Hazli perlu bertindak bagi memastikan peristiwa tersebut tidak berulang dengan menguruskan sumber fizikal di premisnya.

Encik Hazli mendapati jualan di cawangan Seri Kembangan mengalami penurunan yang ketara. Oleh kerana cawangan tersebut merupakan penyumbang terbesar jualan, Encik Hazli sedar bahawa dia perlu segera menyelesaikan masalah ini. Isteri Encik Hazli mencadangkan supaya mereka berpindah ke lokasi lain yang lebih selamat. Namun begitu Encik Hazli berpendapat menjalankan promosi secara agresif adalah lebih sesuai.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Jelaskan sektor perniagaan yang diceburi oleh Encik Hazli [2 markah]
- (b) Terangkan faktor luaran yang mempengaruhi trend perniagaan di kedua-dua cawangan Papa Laundry. [4 markah]
- (c) Sekiranya anda adalah Encik Hazli, sumber pembiayaan manakah yang akan anda pilih? Kemukakan alasan. [4 markah]
- (d) Cadangkan tindakan yang boleh dilakukan oleh Encik Hazli supaya peristiwa tersebut tidak berulang [5 markah]
- (e) Mengapakah Encik Hazli berpendapat sedemikian? [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT